

Metodologi Syeikh Muhammad Said Bin Umar dalam Mentafsirkan Ayat *Mutashabihat* di dalam Kitab Tafsir Nur Al-Ihsan: Satu Kajian Analisa

Methodology Applied by Syeikh Muhammad Said bin Umar in Interpreting al-Ayat al-Mutashabihat in Kitab al-Tafsir Nur al-Ihsan: Analytical Review

Rabiah Abdul Rahman,¹ Kauthar Abd. Kadir,² Abdulloh Salaeh,³

¹ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Malaysia;

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Malaysia,

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 17 Januari 2019

Disemak: 6 Mac 2019

Diterbit: 31 Mei 2019

*Perhubungan Penulis:

Rabiah Abdul Rahman,
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam
Malaysia, Bandar Baru Nilai,
Malaysia;

Emel: rabiah@usim.edu.my

Abstrak: Perkembangan ilmu tafsir di Tanah Melayu bermula sejajar dengan kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu. Kajian ini memfokuskan mengenai metodologi Syeikh Muhammad Said Bin Umar dalam mentafsirkan ayat-ayat *Mutashabihat* dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan. Kitab ini dikarang pada abad ke 19 iaitu pada tahun 1927 Masihi. Beliau adalah pengikut mazhab Shafie dan mahir dalam Bahasa Arab. Kitab Tafsir Nur al-Ihsan merupakan salah satu rujukan utama Bahasa Melayu kepada masyarakat di Tanah Melayu di dalam memahami isi kandungan al-Quran. Proses pengumpulan data bagi kertas kerja ini menggunakan modul pengajaran dan dokumen-dokumen berkaitan. Dalam menganalisa data, metod kajian induktif telah digunakan. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa, Syeikh Muhammad Said Bin Umar mengaplikasikan metodologi tafsir berasaskan *tafwidh* dan *ta'wil* dalam mentafsirkan ayat-ayat *mutashabihat*.

Kata kunci: Metodologi, Syeikh Muhammad Said, Ayat Mutashabihat, Tafsir Nur al-Ehsan.

Abstract: The golden era of *al-Ilm al-Tafsir* in Malaya was started along with the existence of Islamic influence in Malaya. This study focuses on the methodology that was applied by Syeikh Muhammad Said bin Umar in interpreting *al-Ayat al-Mutashabihat* for his well-known book entitled *Tafsir Nur al-Ihsan*. This book was narrated in 1927. He practiced Shafie's Sect and an expert in Arabic language. *Tafsir Nur al-Ihsan* is the main reference for the Malays in understanding the contents of Quran. This study gains the data throughout teaching modules and few related documents. In analyzing the data, an inductive research method was implemented. The study found that Syeikh Muhammad Said bin Umar has adapted the principles of *Tafwidh* (Authorization) and *Ta'wil* (Interpretation) in interpreting *al-Ayat al-Mutashabihat*.

Keywords: Methodology, Syeikh Muhammad Said, *al-Ayat al-Mutashabihat*, Tafsir Nur al-Ihsan.

Pengenalan

Kedatangan agama Islam merupakan titik peralihan bagi sejarah rantau Nusantara. Kedatangan Islam bukan sahaja mengubah kepercayaan orang Melayu dari menyembah cakerawala dan patung kepada menyembah Allah yang Maha Esa, tetapi juga mengubah pemikiran dan pandangan hidup menerusi budaya ilmu yang dibawa agama Islam ke rantau ini dalam aspek budaya menulis dan membaca. Budaya menulis dan membaca memang sudah menjadi minat dan kegemaran para ulama' sejak dahulu hingga sekarang. Kegemaran dan minat ini timbul hasil daripada inspirasi ajaran agama Islam itu sendiri supaya ilmu yang ditulis dapat dibaca dan seterusnya disebar dan dimanfaatkan oleh masyarakat. (Mahayudin Yahaya, 2000)

Islam dibawa terus dari semenanjung Tanah Arab pada kurun ke-7. Teori ini dikemukakan oleh John Crawford dan juga oleh Niemann dan De Hollander yang seterusnya mendapat sokongan 'Seminar Masuknya Islam ke Indonesia' dan juga Prof. S. M. Naquib al-Attas. Pendapat ini berdasarkan kegiatan hubungan perdagangan orang Arab dengan Alam Melayu sejak zaman sebelum munculnya Islam di semenanjung Tanah Arab. Selain itu, S. M. Naquib al-Attas menegaskan hakikat bahawa kandungan persuratan Melayu Islam dengan konsep dan istilah dan sistem tulisan Jawi yang digunakan menunjukkan sumber Arab atau Timur Tengah sebagai puncanya (Muhamad Khairi, 2018).

Penulisan dan terjemahan kitab-kitab agama dalam Bahasa Melayu di Tanah Melayu telah berlaku lebih awal berbanding dengan penulisan kitab tafsir. Selepas tahun 1909 Masihi penulisan mengenai tafsir al-Quran berkembang lebih luas sehingga ke hari ini. Penulisan dan terjemahan kitab-kitab agama bermula setelah ramai para ulama' kembali ke tanah air selepas menamatkan pengajian mereka di Makkah, Mesir, India atau Patani. Perkembangan penulisan dan terjemahan kitab-kitab agama lebih pesat dengan perkembangan Pengajian Pondok iaitu sekitar awal abad ke 20. (Ismail Yusoff, 1995).

Secara etimologi, tafsir boleh bererti penjelasan atau pengungkapan. Adapun secara istilah tafsir adalah penjelasan terhadap Kalam Allah atau menjelaskan lafaz-lafaz al-Quran dan pemahamannya. Ilmu tafsir merupakan ilmu yang paling mulia dan paling tinggi kedudukannya, kerana pembahasannya berkaitan dengan Kalamullah yang merupakan petunjuk dan pembeza dari yang haq dan batil. Di antara kitab tafsir yang telah ditulis pada abad ke 20 di Tanah Melayu ialah kitab tafsir Nur al-Ihsan yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Said Bin Umar. Beliau merupakan seorang qadi (sekarang dikenali

dengan Pegawai Agama) di Jitra, Kedah. Kitab tafsir Nur al-Ihsan mula ditulis pada bulan Zulhijjah 1344 Hijrah bersamaan Januari 1925 Masihi. Manakala kitab ini memakan masa selama 2 tahun 9 bulan dan selesai ditulis pada 4 Rabiul'akhir 1346 Hijrah bersamaan 1 Oktober 1927 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah Ibn Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Baginda merupakan sultan negeri Kedah Darul Aman. (Muhammad Said, 1970). Walaubagaimanapun, kitab ini hanya mula dicetak selepas 7 tahun penulisannya iaitu pada tahun 1934 Masihi.

Kajian ini akan merungkai mengenai metodologi penulisan ayat-ayat *mutashabihat* oleh Syeikh Muhammad Said Bin Umar dalam kitabnya Tafsir Nur al-Ihsan. Bagaimana Syeikh Muhammad Said menghurai dan menjelaskan maksud ayat-ayat *mutashabihat* yang terdapat yang terdapat di dalam al-Quran. Ditinjau dari aspek pengertian, ayat-ayat al-Quran terbagi menjadi dua, iaitu ayat muhkamat dan ayat mutasyabihat. Allah SWT berfirman:

“Dialah yang menurunkan al-Kitab (al-Quran) kepada kamu. Di antara (isi)nya ada ayat-ayat yang *muhkamat*. Itulah pokok-pokok isi al-Quran, dan yang lain (ayat-ayat) *mutasyabihat*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutasyabihat* daripadanya untuk menimbulkan fitnah untuk mencari-cari *ta'wilnya*, padahal tidak ada yang mengetahui *ta'wilnya* melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: “Kami beriman kepada ayat-ayat yang *mutasyabihat*, semuanya itu dari sisi Tuhan kami.” Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal.” (al-Quran. Ali-Imran: 7).

Ayat di atas menegaskan bahawa di antara isi al-Quran ada ayat yang *muhkamat* dan ayat yang *mutasyabihat*. Ayat *muhkamat* ialah ayat-ayat yang terang dan tegas maksudnya; dan dapat difahami dengan mudah. Sedangkan ayat *mutasyabihat* ialah ayat yang tidak jelas maksudnya. Di sisi lain, ayat *mutasyabihat* juga terbahagi kepada dua. Pertama, ayat *mutasyabihat* yang pengertiannya hanya Allah yang mengetahui misalnya hal-hal ghaib seperti hari kiamat, syurga, neraka, dan lain-lain. Kedua, ayat *mutasyabihat* yang dapat diketahui oleh orang-orang yang mendalam ilmunya (*al-rasikhun fi al-'ilm*), sudah menyelidikinya secara mendalam seperti maksud *al-istiwa'* dalam ayat: “Tuhan yang Maha Pemurah, ber-*istiwa'* di atas 'Arasy'”. (al-Quran. Thaha: 5). Para ulama yang mendalam ilmunya, mentafsirkan *istiwa'* di atas dengan menguasai (*alqahr*), bukan dengan bersemayam (Muhammad Idrus, 2010).

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Data dikumpul menggunakan kaedah kajian dokumen iaitu melalui al-Qur'an dan hadith, jurnal, buku, akhbar dan sumber dokumen dari internet. Dokumen-dokumen ini membincangkan asas-asas, elemen-elemen serta mekanisme pelaksanaan kaedah kepimpinan berteraskan *qalb*. Kemudian, data yang dikumpul itu dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif.

Keputusan & Perbincangan

Latar Belakang Muhammad Said Bin Umar dan Kitab Tafsir Nur Al-Ihsan

Terjemahan dan tafsir al-Quran klasik lengkap tiga puluh juzuk yang tersebar menggunakan media cetak hanya dua buah saja, iaitu Turjuman al-Mustafid atau Tafsir Baidhawi Melayu oleh Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri (abad ke 16-17 M), dan yang sebuah lagi ialah Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar.

Hendaklah diperhatikan bahawa pada zaman yang sama di Kedah terdapat dua orang yang bernama serupa, yang pertama ialah Muhammad Sa'id Yan, yang telah diperkenalkan dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia pada hari Isnin, 19 Julai 2004. Seorang lagi ialah ulama yang dibicarakan ini. Dalam Tafsir Nur al-Ihsan pula beliau menggunakan nama lengkap dengan keterangannya iaitu Sa'id bin Umar al-Qadhi Baladan, asy-Syafi'ie Mazhaban, an-Naqsyabandi al-Ahmadi Thariqatan, al-Qadhi Syar'iyah. Nama lain yang diletakkan orang pada halaman depan Tafsir Nur al-Ihsan ialah Al-'Alim Al-Fadhil Al-Haji Muhammad Sa'id bin Umar Qadhi Jitra Kedah.

Yang dimaksudkan dengan al-Qadhi Baladan, ialah negeri asalnya ialah Kedah. Jawatan beliau pula ialah al-Qadhi Syar'iyah, maksudnya ialah sebagai Kadi Syar'ie di Jitra. Beliau mengaku pula asy-Syafi'ie Mazhaban, maksudnya bermazhabkan Mazhab Syafi'ie. Dengan jelas diakuinya pula an-Naqsyabandi al-Ahmadi Thariqatan, iaitu beramal dengan Thariqat Naqsyabandiyah Ahmadiyah. Thariqat Naqsyabandiyah aliran ini dinamakan Naqsyabandiyah Ahmadiyah Muzhharayah kerana berpegang dengan Mujaddidnya yang bernama Sayid Ahmad al-Muzhhar. Ada lagi yang dinamakan Naqsyabandiyah al-Khalidiyah kerana berpegang dengan Mujaddidnya yang bernama Syeikh Khalid al-Kurdi. Kedua-dua Thariqat Naqsyabandi yang tersebut diamalkan oleh ramai ulama di seluruh dunia termasuk ulama di dunia Melayu juga. Oleh itu tuduhan melulu yang mengatakan "semua thariqat adalah sesat" adalah tidak berasas sama sekali. (Wan Mohd. Saghbir, 2004).

Ada riwayat yang menyebut bahawa Haji

Muhammad Sa'id bin Umar lahir sekitar tahun 1270 H/1854 M di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah. Dan wafat pada tahun 1351 H/1932 M. Walau bagaimana pun penulis masih ragu dengan tahun kelahiran yang diriwayatkan itu, kerana berdasarkan tulisan beliau sendiri pada penutup Tafsir Nur al-Ihsan, juzuk keempat, ada menyebut bahawa Syeikh Wan Sulaiman, Syeikh al-Islam Kedah, adalah guru beliau. Sedangkan Syeikh Wan Sulaiman, Syeikh al-Islam Kedah, yang lahir 1291 H/1874 M bererti lebih muda daripada Haji Muhammad Sa'id bin Umar sekitar 20 tahun.

Mengenai pendidikannya pula ada riwayat yang menyebut bahawa Haji Muhammad Sa'id bin Umar pernah belajar di Pondok Bendang Daya, Patani, sempat berguru dengan pengasasnya Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani (Tok Bendang Daya pertama), tetapi yang lebih banyak beliau berguru ialah melalui Syeikh Abdul Qadir bin Mustafa al-Fathani (Tok Bendang Daya ke-2). Memperhatikan riwayat ini bererti Haji Muhammad Sa'id bin Umar adalah seangkatan dengan Haji Ismail bin Mustafa al-Fathani atau lebih terkenal sebutan di Kedah dengan ``Cik Doi @ Cik Dol'', iaitu ayah kepada Tuan Guru Haji Husein Cik Doi, Tok Kelaba dan ramai lagi. Haji Muhammad Sa'id bin Umar juga melanjutkan pendidikannya di Mekah seperti ulama-ulama lainnya. (Wan Mohd. Saghbir, 2004).

Muhammad Sa'id meninggal dunia pada hari Rabu selepas Asar, 22 Zulkaedah 1350H bersamaan 9 Mac 1932. Jenazah beliau kemudiannya telah disemadikan di Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah. Pemergian beliau dalam usia 78 tahun diibaratkan kehilangan sebutir permata bagi masyarakat Islam di negeri Kedah. Namun begitu, warisan tafsir yang ditinggalkannya terus menabur bakti kepada seluruh umat Melayu dalam memahami kitab Allah. Sehubungan itu, pelbagai kajian dijalankan semenjak tahun 1991 untuk mendokumentasikan biografi Muhammad Said dan kitab tafsirnya kerana sejarah hidup tokoh ini belum ditulis secara khusus sehingga kini. Malah, timbul persoalan mengapa namanya tidak tersenarai dalam Senarai Nama Ulama Kedah oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah atau dibentangkan dalam buku-buku biografi ulama Tanah Melayu. Pengumpulan data tentang Muhammad Said juga agak terhad kerana bersumberkan percakapan lisan cucu-cicit Said selain dari catatan beliau dalam kitabnya. Maklumat ini pula dinukilkan oleh penulis demi penulis tanpa pemurnian data yang menyebabkan wujud kekeliruan fakta dan kekosongan dalam sejarah hidupnya terutama hal pendidikan dan kehidupan Said sebelum tahun 1312H (Mohd. Nazri, Muhd. Najib, Haziyah, 2016).

Syeikh Muhammad Sa'id telah berusaha menyusun Tafsir Nur al-Ihsan bertujuan membantu masyarakat khususnya masyarakat Melayu setempat di

Kedah dalam memahami ayat suci al-Quran. Sebelum Tafsir Nur al-Ihsan dihasilkan, seseorang itu terpaksa mempelajari bahasa Arab atau merujuk ulama tertentu untuk mengetahui isi kandungan al-Quran. Namun setelah karya ini dihasilkan, masyarakat, terutama masyarakat Melayu setempat, mudah memahami ayat al-Quran serta meluaskan kefahaman mereka terhadap ilmu al-Quran sekali gus mengetengahkan ajaran Islam yang sebenar. Di samping itu, Syeikh Muhammad Said merupakan salah seorang tokoh ulama di Malaysia yang banyak memberi sumbangan kepada negara terutamanya dalam bidang tafsir al-Quran. Walaupun begitu, tiada kajian lengkap pernah dijalankan tentang biografi dan ketokohan yang berkaitan dengannya (Mohd. Sholeh, Mohd. Nizam, Siti Hajar, 2014).

Syeikh Muhammad Said telah berjaya menulis kitab ini sebanyak empat juzuk. Juzuk yang pertama, bermula daripada surah al-Fatihah hingga surah al-Maidah. Tebalnya 296 halaman. Juzuk yang kedua, dimulai dengan surah al-An'am hingga surah al-Isra' setebal 429 halaman. Juzuk yang ketiga pula bermula daripada surah al-Kahfi hingga surah az-Zumar dan ditulis sebanyak 432 halaman. Manakala juzuk yang keempat, dimulai dengan surah al-Mu'min hingga surah an-Nas. Beliau menyempurnakan penulisan setebal 387 halaman itu pada 1 Rabiulakhir 1346 H (Muhammad Said, 1970).

Berikut adalah beberapa tokoh ilmunan yang menggunakan Tafsir Nur al-Ihsan sebagai bahan pengajaran:

- (1) Dato^{''} Syeikh Haji Abdul Hamid Tahir dalam kuliahnya di PAKSI (Pusat Khidmat Sosial Islam), Pusat Zakat, Alor Setar Kedah.
- (2) Dato' Ustaz Shamsuri Haji Ahmad dalam kuliahnya di Masjid Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah.
- (3) Ustaz Abdul Muthalib bin Maarof dalam kuliah minggunya di Yayasan al-Nahdhoh, Kubang Semang Pulau Pinang.
- (4) Ustaz Ahmad Izzat bin Shauqi dalam kuliah bulanannya di Masjid Telok Cengai, Alor Setar Kedah.
- (5) Ustaz Ahmad Rethauddin bin Abdul Wahhab dalam kuliah bulanannya di Masjid Kilang Lama, Kulim Kedah.
- (6) Ustaz Rijaluddin bin Yahya dalam kuliah bulanannya di PAKSI, Parit Buntar Perak.
- (7) Ustaz Sya'ari dalam kuliah minggunya di Surau Kampung Sungai Tembak, Parit Panjang Baling Kedah (Mohd. Sholeh, 2014).

Kitab Tafsir Nur al-Ihsan juga turut diajar di luar negara seperti Patani iaitu:

- (1) Al Marhum Tuan Guru Haji Husin Kelubi di Pondok Dala.

- (2) Tuan Guru Haji Ismail Bin Wan Umar di Pondok Sepanjang.

Pondok berasal daripada perkataan Arab iaitu al-Funduq yang bererti rumah tumpangan, hotel atau asrama. Institusi sekolah pondok mulai berkembang di Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Perak pada permulaan abad ke- 19 yang dipelopori oleh ulama-ulama yang berpendidikan di Patani. (Hashim Abdullah dll, 1998).

Metodologi Syeikh Muhammad Said Bin Umar Dalam Mentafsirkan Ayat-Ayat Mutashabihat berasaskan Tafwidh dan Ta'wil.

Menurut kamus *Mu'jam Arabi Asasi* perkataan *mutashabihat* bermaksud ayat al-Quran yang mengandungi pelbagai makna. Oleh itu, kita tidak boleh memahami makna ayat tersebut secara literal, kerana ayat *mutashabihat* memerlukan penjelasan yang tepat daripada ahli tafsir untuk menjelaskan secara terperinci makna dan erti ayat-ayat tersebut.

Dari segi definisi dan pengetahuan, ayat-ayat al-Qur'an terbahagi kepada dua jenis, iaitu ayat *muhkamat* dan ayat *mutasyabihat*. Allah SWT berfirman yang bermaksud: Dialah yang menurunkan al-Kitab (al-Qur'an) kepada kamu. Di antara (isi)nya ada ayat-ayat yang *muhkamat*. Itulah pokok-pokok isi al-Qur'an, dan yang lain (ayat-ayat) *mutasyabihat*. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang *mutasyabihat* daripadanya untuk menimbulkan fitnah untuk mencari-cari *ta'wilnya*, padahal tidak ada yang mengetahui *ta'wilnya* melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata: "Kami beriman kepada ayat-ayat yang *mutasyabihat*, semuanya itu dari sisi Tuhan kami." Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal." (al-Quran. Ali-Imran: 7).

Muhammad Idrus (2010) menyatakan ayat di atas menegaskan bahawa di antara isi al-Qur'an ada ayat *muhkamat* dan ayat *mutasyabihat*. Ayat *muhkamat* ialah ayat-ayat yang terang dan tegas maksudnya serta dapat difahami dengan mudah. Manakala ayat *mutasyabihat* ialah ayat yang tidak jelas maksudnya. Ayat tersebut mengecam orang-orang yang mengikuti ayat *mutasyabihat* dengan tujuan menimbulkan fitnah. Hal ini biasanya dilakukan oleh kelompok-kelompok diluar *Ahli Sunnah Wal-Jama'ah* seperti kelompok *Musyabbihah* dan *Mujassimah*, agar orang *Ahli Sunah* terjerumus dalam pemahaman yang keliru terhadap ayat-ayat al-Quran. Sedangkan yang dimaksud dengan "orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan" dalam ayat di atas adalah pengikut-pengikut ahli *bid'ah* seperti *Mu'tazilah* dan lain-lainnya.

Dalam ayat di atas, Allah menamakan ayat muhkamat dengan *ummu al-kitab* (pokok isi al-Qur'an), kerana ayat *muhkamat* tersebut harus menjadi rujukan dalam memahami ayat-ayat *mutasyabihat*. Di samping itu, ayat *mutasyabihat* terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, ayat *mutasyabihat* yang maksudnya hanya Allah yang mengetahui seperti ayat-ayat yang berhubungan dengan hal-hal ghaib contohnya ayat-ayat yang mengenai hari kiamat, syurga, neraka, dan lain-lain. Dan kedua, ayat *mutasyabihat* yang dapat diketahui oleh orang-orang yang mendalam ilmunya (*al-rasikhun fi al-'ilm*), telah menyelidikinya secara mendalam seperti maksud *al-istiwa'* dalam ayat di dalam surah Taha yang bermaksud: "Tuhan yang Maha Pemurah, *ber-istiwa'* di atas 'Arasy'" (al-Quran. Thaha: 5). Para ulama yang mempunyai ilmu tafsir yang mendalam, mentafsirkan perkataan *istiwa'* di atas dengan menguasai bukan dengan bersemayam (Muhammad Idrus, 2010).

Di antara metodologi yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Said dalam mentafsirkan ayat *mutashabihat* ialah beliau mengaplikasikan metodologi *tafwidh* dan *ta'wil* dalam pentafsirannya.

Metodologi *tafwidh* ialah tidak melakukan penafsiran apa pun terhadap ayat-ayat tersebut, namun mencukupi dengan penetapan sifat-sifat yang telah Allah tetapkan bagi Dzat-Nya, serta menyucikan Allah dari segala kekurangan dan penyerupaan terhadap hal-hal yang baru. Hal yang demikian dilakukan dengan cara mengikuti metod *ta'wil ijmal* terhadap ayat-ayat tersebut dan menyerahkan pengetahuan maksud yang sebenarnya kepada Allah SWT.

Manakala metodologi *ta'wil* merupakan satu kaedah pengalihan maksud ayat-ayat *mutashabihat* dari makna-makna literalnya dan meletakkan maksud-maksudnya dalam satu bingkai pengertian yang sejalan dan seiring dengan teks-teks lain yang *muhkamat* yang memastikan kesucian Allah dari arah, tempat dan anggota tubuh seperti makhluk-Nya (Muhammad Idrus, 2010).

Sabagai contoh ayat daripada surah Thaha ayat pertama (al-Quran. Thaha: 1). Syeikh Muhammad Said mentafsirkan dengan huraian "Allah Taala terlebih ketahui dengan demikian itu". Jelaslah di sini Syeikh Muhammad Said menggunakan metodologi *tafwidh* di dalam huraian ayat ini kerana beliau menjelaskan hanya Allah Taala sahaja yang mengetahui tentang maksud perkataan tersebut dan beliau tidak menghuraikan maksud perkataan tersebut dengan mendatangkan contoh dan sebagainya.

Contoh ayat lain yang menjelaskan Syeikh Muhammad Said mengaplikasikan metodologi *ta'wil* ialah ayat kelima di dalam surah Thaha iaitu: ((الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى)) (al-Quran. Thaha: 5). Beliau mentafsirkan dengan huraian berikut iaitu: "Ialah Tuhan ar-Rahman itu atas 'arasy bersamaan yang layak

dengannya maka 'arasy pada *lughah* itu tempat duduk raja. Ini jalan *salaf*. Maka jalan *khalaf* makna *istiwa'* itu memerintah". Syeikh Muhammad Said mentafsirkan ayat di atas dengan memberi makna memerintah dan bukan bersemayam. Di sini jelaslah bahawa Syeikh Muhammad Said mengaplikasikan metodologi *ta'wil* kerana menghuraikan maksud perkataan *istiwa'* itu ialah memerintah. Di dalam ayat ini juga beliau meletakkan definasi bagi perkataan 'Arasy menurut Bahasa Arab untuk memudahkan pembaca memahami ayat tersebut. Di dalam ayat ini beliau mengaplikasikan kaedah *ta'wil* dalam pentafsirannya.

Contoh lain daripada surah al-Baqarah ialah ((فَأَيْنَمَا تُولُوا فَتَمَّ وَجْهُ اللَّهِ)) (al-Quran. Al-Baqarah: 115). Yang bermaksud "maka ke manapun kamu menghadap di situlah wajah Allah." Tetapi Syeikh Muhammad Said mentafsirkan ayat di atas dengan "maka di mana pihak kamu hadap muka kamu pada sembahyang dengan suruhannya maka di sanalah qiblat Allah yang ia redha akan dia." Sekali lagi beliau menggunakan metodologi *ta'wil* dalam tafsirannya kerana beliau mentafsirkan perkataan ((وَجْهُ اللَّهِ)) dengan perkataan kibat.

Contoh seterusnya merupakan ayat ke-14 di dalam surah Sajdah iaitu ((إِنَّا نَسِينَاكُمْ)) (al-Quran. Sajdah: 14) yang membawa maksud "sesungguhnya kamu melupakan kamu". Syeikh Muhammad Said mentafsirkan ayat di atas dengan "bahawasa kami lupa kamu tinggal dalam azab dengan sebab kamu lupa beriman dengan Allah dan rasul-Nya." Oleh kerana makna zahir dari perkataan "lupa" itu tidak sesuai digunakan dengan sifat Allah Taala yang Maha Sempurna kerana ia sifat kelemahan, golongan *Ahli Sunnah Wal-Jama'ah* yang berpegang pada pendapat perlu maksud ayat ini diubah ke makna lain yang sesuai, iaitu "meninggalkan". Tambahan pula Allah Taala sendiri telah menafikan sifat lupa bagi diri-Nya dalam ayat yang bermaksud, "Dan tidaklah Tuhan engkau itu pelupa!" (al-Quran. Maryam: 64) Syeikh Muhammad Said mentafsirkan ayat di atas dengan mengaplikasikan metodologi *ta'wil*.

Demikian pula dengan ayat, ((وَقَالَ إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَى رَبِّي سَيَهْدِينِ)) (al-Quran. As-Saffat: 99). Yang bermaksud "Dan Ibrahim berkata: "Sesungguhnya aku pergi menuju kepada Tuhanku, dan dia akan memberi petunjuk kepadaku". Syeikh Muhammad Said mentafsirkan ayat di atas dengan "Dan berkata ia bahawasa aku ini hendak pergi kepada Tuhanku yakni aku hendak hijrah pindah daripada negeri aku kepada tempat yang dapat perbuat ibadah Tuhanku, lagi hidayah akan daku oleh Tuhanku pada mana tempat yang disuruh aku kepadanya iaitu Syam." Ayat ini apabila ditafsirkan secara literal akan menzahirkan pemahaman bahawa Allah ada di Palestin, kerana Nabi Ibrahim dalam ayat tersebut mengatakan akan pergi ke Palestin. Syeikh Muhammad Said sekali lagi berjaya

menghuraikan maksud ayat tersebut dengan baik, beliau menggunakan perkataan 'yakni' bagi menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan maksud ayat di atas yang membawa erti beliau menggunakan metodologi *ta'wil* dalam tafsiran ayat ini.

Kesimpulan

Ayat-ayat *mutashabihat* memerlukan huraian dan pengertian yang khusus dalam memahami isi kandungan al-Quran yang agung. Ayat-ayat ini tidak boleh difahami secara tersurat kerana ianya boleh mengganggu gugat akidah umat Islam masa kini. Metodologi yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Said dalam mentafsirkan ayat-ayat *mutashabihat* ialah metodologi *tafwidh* dan *ta'wil* yang mana metodologi ini digunakan oleh para ulama' tersohor dalam mentafsirkan ayat al-Quran dalam kitab-kitab mereka yang *mu'tabar*. Ini jelas membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Said bin Umar merupakan salah seorang pentafsir agung di Tanah Melayu suatu ketika dahulu sehingga kini. Kajian ini juga berjaya membuktikan tahap penguasaan ilmu Bahasa Arab Syeikh Muhammad Said adalah tinggi sehingga beliau mampu menulis sebuah kitab tafsir lengkap 30 juzuk di dalam Bahasa Melayu. Kitab Tafsir Nur al-Ihsan merupakan sebuah kitab tafsir yang boleh di anggap sebagai kitab 'turath' (warisan) bagi masyarakat Melayu.

Rujukan

Hashim Abdullah, Mohd Zulkifli Husain, Mohd. Arif Ismail, Mohd. Nazri Ibrahim, Kamariah Kamrudin, Noraina Norani, Rohana Omar. (1998). *Perspektif Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya & Hizbi Sdn. Bhd.

Ismail Yusoff. (1995). *Perkembangan Penulisan dan Terjemahan Kitab-kitab Tafsir di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahayudin Haji Yahaya. (2000). *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir & Haziyah Hussin. (2016). Pengaplikasian Kaedah Tafsir al-Qur'an dengan Qira'at oleh Muhammad Said bin Umar di dalam Tafsir Nurul Ihsan. *Jurnal al-Turath*, 1(1).

Mohd Sholeh sheh Yusuff. (2014). *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sai'd: Suatu Kajian Bandingan*. Tesis Doktor Falsafah Yang Tidak Diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Mohd. Sholeh Sheh Yusoff, Mohd. Nizam Sahad dan Siti Hajar Che Man. (2014). Tafsir Nur al-Ihsan oleh Syeikh Muhammad Sa'id: Suatu Bacaan Intertekstual. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1).

Muhammad Said Umar. (1970). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Thailand: Matbaah bin Halabi.

Muhammad Idrus Ramli. (2010, Ogos). "*Madzhab Al-Asy'ari Jawaban Terhadap Aliran Salafi*". Dimuat turun daripada https://mutiarazuhud.files.wordpress.com/2010/05/madzhab_al-asyari1.pdf.

Muhammad Khairi. (2018, Ogos). "*Teori kedatangan Islam ke Tanah Melayu*". Dimuat turun daripada <https://www.academia.edu>.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah. (2004, Ogos). "*Muhammad Sa'id Umar Kedah - Pengarang Tafsir Nur al-Ihsan*". Dimuat turun daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=1213&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz5PM6xxcGe.